

8

Perkembangan Dalam Sistem Kewangan

Dasar Kewangan

Dasar kewangan pada tahun 2000 bertujuan melengkapi dasar fiskal untuk menyokong pemulihan ekonomi dan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat. Justeru, dasar kewangan kekal akomodatif dalam lapan bulan pertama 2000 menyokong momentum pertumbuhan ekonomi. Penerusan dasar kewangan yang akomodatif ini adalah wajar memandangkan keadaan inflasi yang rendah. Kadar faedah yang rendah dan stabil serta rejim kadar pertukaran tetap telah menyediakan persekitaran yang stabil dan menentu yang dapat menyumbang kepada pengukuhan penggunaan dan pelaburan. Kelulusan dan pengeluaran pinjaman telah mula melonjak. Dalam persekitaran kadar faedah yang rendah, pembayaran balik pinjaman juga tinggi kerana peminjam mengambil kesempatan untuk membayar pinjaman yang berkos tinggi dan membiayai semula pinjaman mereka. Pada tahun 2000, pinjaman yang belum dijelaskan menunjukkan arah aliran meningkat dibandingkan dengan prestasi yang kurang menggalakkan pada tahun 1999. Ini mencerminkan aktiviti pelaburan yang kembali cergas.

Dasar kewangan juga bertujuan untuk memastikan kadar faedah benar yang positif bagi pendeposit. Institusi perbankan telah menaikkan kadar faedah deposit berikutan kedudukan kewangan yang bertambah kukuh. Kadar berian pinjaman asas (BLR) institusi perbankan tidak berubah kerana kadar campur tangan Bank Negara Malaysia (BNM) kekal pada tahap 5.50%. Walaupun perkembangan ekonomi luar negara tidak menentu, dasar kewangan yang akomodatif pada tahun 2000 akan dapat memastikan permintaan dalam negeri yang kukuh bagi menampung sebarang pengurangan permintaan luar. Ini adalah penting untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi.


Perkembangan Kewangan

Penawaran wang terus mengembang pada lapan bulan pertama 2000 sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi serta lebih dagangan bulanan yang berterusan dan tahap rizab luar negara. Pada akhir Ogos 2000, **wang secara kecil, M1**, yang merangkumi mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta, mengembang dengan perlahan pada kadar tahunan 11.9% (akhir Ogos 1999: 23.2%). Pertumbuhan M1 yang perlahan mencerminkan peningkatan deposit permintaan yang rendah iaitu pada tahap 1% dalam lapan bulan pertama 2000 (Januari–Ogos 1999: 21.7%). Mata wang dalam edaran menguncup 18.2% (Januari–Ogos 1999: 0.6%), mencerminkan mata wang yang dikeluarkan sebelum Y2K telah kembali ke dalam sistem.

Wang secara luas, M2, yang merangkumi M1 dan separa wang secara kecil termasuk deposit tetap dan deposit tabungan sektor swasta dengan bank perdagangan dan BNM, instrumen deposit boleh niaga bersih (IDB) serta perjanjian belian semula (repo) mencatatkan pertumbuhan kecil 5.5% pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999: 13.7%). Pertumbuhan lebih kecil adalah kerana mata wang dalam edaran berkurang serta separa wang secara kecil hanya meningkat pada kadar tahunan 2.5% dalam lapan bulan pertama 2000 (Januari–Ogos 1999: 7.3%). Pertumbuhan yang sederhana ini mencerminkan peningkatan yang kecil dalam deposit tetap dan deposit tabungan dalam bank perdagangan.

Agregat kewangan yang lebih luas, M3, merangkumi M2 dan deposit sektor swasta (termasuk repo) yang disimpan dalam institusi perbankan yang lain, iaitu syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan bank Islam tetapi tidak termasuk dana antara institusi tersebut, telah mencatatkan peningkatan sederhana 4.6% pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999: 8.3%).

Carta 8.1
Arah Aliran Kewangan
Penawaran Wang^{1/}
(Perubahan tahunan)



1/ Pada akhir bulan Mac, Jun, September and Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repo).
2/ Pada akhir bulan Ogos 2000.

Dalam lapan bulan pertama 2000, pendorong utama pengembangan M3 berpunca terutamanya daripada peningkatan tuntutan ke atas sektor swasta sebanyak 2.8% atau RM12,566 juta (Januari-Ogos 1999: -RM14,846 juta). Ini menunjukkan pemberian pinjaman kepada sektor swasta yang meningkat RM7,492 juta atau 2% (Januari-Ogos 1999: -4%) dan pegangan sekuriti yang lebih tinggi oleh institusi perbankan berjumlah RM5,074 juta (Januari-Ogos 1999: RM1,213 juta). Sektor luar juga mengembang tetapi lebih sederhana sebanyak RM9,817 juta dalam lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: RM25,101 juta) dengan rizab antarabangsa bersih BNM meningkat RM8,807 juta kepada RM126,050 juta pada akhir Ogos 2000. Operasi kewangan Kerajaan juga mengembangkan penawaran wang sebanyak RM1,755 juta (Januari-Ogos 1999: -RM2,336 juta), mencerminkan peningkatan pegangan kertas Kerajaan oleh sistem perbankan.

Jumlah deposit (termasuk repo) sistem perbankan (termasuk perbankan Islam) telah meningkat 0.3% kepada RM457,055 juta dalam lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: 2.4%) seperti yang

ditunjukkan dalam *Jadual 8.1*. Ini disebabkan oleh pengurangan deposit oleh institusi kewangan (RM7,477 juta) dan deposit antara bank yang lebih rendah. Di samping itu, deposit Kerajaan dan badan berkanun juga menurun (RM5,720 juta). Walau bagaimanapun, deposit individu dan syarikat perniagaan masing-masing meningkat pada kadar tahunan RM7,674 juta dan RM4,867 juta. Jumlah deposit meningkat pada kadar tahunan 2.5% pada akhir Ogos 2000 (akhir Ogos 1999: 4.5%). Pada lapan bulan pertama 2000, jumlah deposit bank perdagangan mengembang 2.2% kepada RM347,257 juta (Januari-Ogos 1999: 6.4%), menyumbang 76% daripada jumlah deposit dengan sistem perbankan. Walau bagaimanapun, jumlah deposit syarikat kewangan berkurang 6% kepada RM84,849 juta pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999: -8.8%) dan menyumbang 18.6% daripada jumlah deposit dengan sistem perbankan. Sementara, jumlah deposit termasuk repo bank saudagar menurun 3.6% kepada RM24,950 juta pada akhir Ogos 2000 (akhir Ogos 1999: -3.8%) untuk mencakup 5.4% daripada jumlah deposit dengan sistem perbankan.

Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang semakin pulih, **jumlah pinjaman dan pendahuluan** sistem perbankan meningkat 3.2% kepada RM443,906 juta dalam lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: -0.4%). Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan tahunan jumlah pinjaman ialah 3.6% (akhir Ogos 1999: 0.8%). Bank perdagangan mencatatkan peningkatan 4.1% (akhir Ogos 1999: 2.5%), sementara jumlah pinjaman yang disalurkan oleh syarikat kewangan meningkat 2.4% (akhir Ogos 1999: -8.8%). Namun demikian, jumlah pinjaman yang disalurkan oleh bank saudagar menurun 7.3% (akhir Ogos 1999: -5.6%).

Walaupun jumlah pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sederhana dalam lapan bulan pertama 2000, kelulusan pinjaman meningkat dengan ketara kepada purata bulanan RM10,848 juta (1999: RM8,697 juta sebulan). Pengeluaran pinjaman juga meningkat kepada tahap purata bulanan sebanyak RM28,786 juta (1999: RM26,526 juta sebulan). Pembayaran balik pinjaman sebaliknya kekal tinggi pada purata RM28,170 juta sebulan dalam tempoh yang sama (1999: RM27,744 juta sebulan). Di samping itu, penggunaan sekuriti hutang swasta (PDS) telah meningkat. Pemberian pinjaman oleh sistem perbankan telah ditambah oleh jumlah PDS yang belum dijelaskan yang meningkat 171.4% atau RM11,330 juta berbanding

Jadual 8.1

Sistem Perbankan: Deposit
(termasuk bank-bank Islam)

	Perubahan Dalam Tempoh				Pada Akhir Bulan Ogos 2000
	1999 Januari-Ogos		2000 Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	
Deposit semasa	6,378.3	17.3	-138.0	-0.3	48,275.3
Deposit tabungan	6,461.6	21.2	3,381.0	8.9	41,304.1
Deposit tetap	18,065.6	6.7	-4,156.3	-1.4	285,012.5
NID ¹	-25,539.5	-45.6	-5,702.0	-20.9	21,612.8
Repo	-3,874.6	-17.8	-922.1	-4.9	17,779.8
Lain-lain ²	8,781.6	38.2	8,780.5	25.6	43,070.9
Jumlah	10,273.0	2.4	1,243.1	0.3	457,055.3

¹ Instrumen deposit boleh niaga

² Termasuk Tabungan Pelaburan Baru dan deposit khas.

Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan tempoh yang sama tahun lepas. Secara agregat, pembiayaan melalui pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan dan PDS meningkat RM25,197 juta atau 5% dalam lapan bulan pertama 2000. Sementara, pembiayaan melalui pinjaman dan PDS meningkat pada kadar tahunan 12.4% pada akhir Ogos 2000.

Pada akhir Ogos 2000, sebahagian besar jumlah pinjaman yang belum dijelaskan telah disalurkan untuk membiayai sektor harta benda yang luas (36.2%), terutamanya pembelian harta kediaman, aktiviti perkilangan (15.5%) dan kredit penggunaan (12.8%), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.2*. Daripada pinjaman baru yang telah diluluskan, 32.9% disalurkan untuk sektor harta benda yang luas, sementara 18.2% dan 15.7% masing-masing dikeluarkan kepada sektor penggunaan dan sektor perkilangan. Dari segi pinjaman yang dikeluarkan, sektor perkilangan, harta benda yang luas dan penggunaan masing-masing menyumbang sebanyak 25.8%, 18.6% dan 11.9% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan, iaitu sebanyak RM230,284 juta.

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal mencukupi dalam lapan bulan pertama 2000 yang terutamanya disebabkan oleh lebihan dagangan

bulanan yang berterusan. Sistem perbankan mencatatkan pengurangan dalam lebihan sumber sebanyak RM5,833 juta pada lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: RM26,524 juta), mencerminkan peningkatan yang lebih tinggi dalam pemberian pinjaman berbanding deposit. Ini menyebabkan nisbah pinjaman-deposit meningkat kepada 84.6% pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999: 83.2%). Bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing mencatatkan nisbah pinjaman-deposit yang lebih tinggi masing-masing sebanyak 85.1% dan 87.2% (akhir 1999: 83.9% dan 83.5%), sementara bank saudagar mencatatkan penurunan dalam nisbah pinjaman-deposit kepada 68.4% (akhir 1999: 72.9%).

Mudah tunai yang mencukupi terus memberikan tekanan menurun kepada **kadar feadah** dalam tujuh bulan pertama 2000. Ini menyebabkan BLR menurun kepada tahap terendah 6.75% dalam

Jadual 8.2

Sistem Perbankan: Haluan Pemberian Pinjaman
(termasuk bank-bank Islam)

	Perubahan Dalam Tempoh				Pada Akhir Bulan Ogos 2000
	1999		2000		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	409.9	5.2	650.9	6.9	10,148.2
Perlombongan dan kuari	-162.8	-9.3	24.8	1.5	1,675.4
Perkilangan	763.7	1.2	2,727.3	4.1	68,773.1
Perdagangan am	320.9	0.9	1,469.1	4.0	38,204.7
Harta benda yang luas ¹	-167,883.4	-51.8	6,188.3	4.0	160,833.4
Pengangkutan dan penyimpanan	424.4	2.8	-1,270.3	-8.1	14,352.2
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	-5,020.2	-13.2	-1,170.8	-3.4	32,892.6
Kredit penggunaan	-680.1	-1.4	5,934.5	11.6	56,875.4
Pembelian stok/ saham	-3,027.2	-8.0	-632.6	-1.9	33,200.8
Pelbagai	173,307.4	118.8	-54.1	-0.2	26,950.1
Jumlah²	-1,547.4	-0.4	13,867.1	3.2	443,905.6

¹ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad.

² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Danaharta.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

bulan Mei 2000. BLR syarikat kewangan juga turun lebih rendah daripada 8.40%, tahap terendah yang pernah dicatatkan pada akhir tahun 1994, kepada 7.95%. Kadar faedah deposit juga merosot lagi dalam tempoh tujuh bulan pertama 2000. Purata kadar faedah deposit tetap 3-bulan bank perdagangan merosot kepada 3.26% dan syarikat kewangan 3.30% pada akhir Julai 2000 (akhir Julai 1999 masing-masing: 3.75% dan 3.80%). Walau bagaimanapun, dalam bulan Ogos, institusi perbankan mula menaikkan kadar faedah deposit. Berikutan peningkatan ini, kadar faedah deposit tetap 1-bulan hingga 12-bulan bank perdagangan adalah antara 3.44%-4.10% pada akhir September (akhir 1999: 3.24%-3.95%). Purata kadar faedah deposit simpanan bank perdagangan juga meningkat sedikit pada empat mata asas kepada 2.81%, manakala kadar faedah syarikat kewangan menurun sedikit pada 13 mata asas kepada 3.34%. Memandangkan kadar inflasi yang rendah pada 1.4% sepanjang lapan bulan pertama 2000, pendeposit akan terus menikmati kadar faedah pulangan benar yang positif.

Sistem perbankan terus kukuh seiring dengan keadaan ekonomi yang semakin pulih. Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) sistem perbankan bertambah baik kepada 13.1% pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999: 12.5%), sementara nisbah hutang tidak berbayar (NPL) bersih (klasifikasi 6 bulan) adalah 6.9% pada akhir Julai 2000 (akhir Julai 1999: 7.9%), kurang daripada tahap tertinggi 9% yang dicatatkan pada akhir November 1998.

Selain daripada mengekalkan dasar kewangan yang akomodatif, BNM giat membantu mewujudkan tabung baru untuk membiayai pembangunan. Dalam lapan bulan pertama 2000, tabung berikut telah ditubuhkan:

- Tabung Projek Usahawan Bumiputera dengan peruntukan RM300 juta telah ditubuhkan pada 10 Februari 2000 untuk menyediakan pembiayaan pada kos yang berpatutan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera (PKS);
- Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 dengan peruntukan RM200 juta telah ditubuhkan pada 15 April 2000 untuk menggalakkan SMI dengan rangkaian industri berorientasikan eksport; dan

- Program Keusahawanan telah dilancarkan pada 9 Jun 2000 untuk mempercepatkan penyelesaian masalah NPL di kalangan SMEs.

Penstrukturan Semula Sektor Kewangan dan Korporat

Dalam lapan bulan pertama 2000, kemajuan yang lebih besar dicapai dalam pengstrukturan semula sektor perbankan dan korporat. Sehingga akhir Ogos 2000, Danaharta telah mengambil alih dan mengurus pinjaman berjumlah RM46,785 juta (Ogos 1999: RM39,285 juta) dari sistem kewangan, terdiri daripada 2,744 akaun pinjaman (Ogos 1999: 2,273 akaun pinjaman). NPL dari sistem perbankan yang diurus oleh Danaharta bernilai RM38,610 juta atau 43.2% daripada jumlah NPL dalam sistem perbankan. Bagi membayar NPL yang diambil alih, Danaharta sehingga kini telah menerbitkan bon jaminan kerajaan pada nilai muka RM11,140 juta dengan nilai kini RM8,215 juta dan membayar secara tunai RM800 juta kepada institusi kewangan yang menjual, menjadikan harga belian keseluruhannya berjumlah RM9,015 juta. Terbitan bon terakhir bernilai RM328 juta telah dibuat pada akhir Mac 2000.

Sehingga kini, Danaharta telah mencapai kemajuan yang menggalakkan dalam mengurus NPL yang diambil alih dan melupus sejumlah aset yang diambil alih dari institusi kewangan. Sehingga akhir Ogos 2000, Danaharta telah memulakan usaha pemulihan ke atas 99% daripada jumlah NPL di bawah portfolionya. Danaharta juga telah melaksanakan tiga tender hartanah yang menghasilkan RM333 juta daripada jualan 209 hartanah. Pada akhir Ogos, sejumlah RM21,567 juta pinjaman atau aset telah distruktur semula atau dijual, untuk mencatatkan kadar pemulihan purata 75%.

Sejak ditubuhkan pada Ogos 1998, Danamodal telah menyuntik modal sebanyak RM7,590 juta ke dalam 10 institusi perbankan dalam bentuk Pinjaman Modal Subordinat Boleh Tukar. Dengan ekonomi negara semakin pulih, lima institusi perbankan telah membayar balik keseluruhan modal yang disuntik, manakala dua institusi perbankan telah membayar balik sebahagian modal berjumlah RM2,730 juta. Pada akhir Ogos, baki suntikan modal dalam lima institusi perbankan yang masih ada berjumlah RM4,860 juta. RWCR setiap institusi perbankan yang menerima suntikan

modal kekal stabil pada tahap melebihi 10%, sementara kadar purata RWCR institusi perbankan tersebut berkurang kepada 12.2% pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999:13.3%). Ini disebabkan oleh pengembangan aset berwajaran risiko berikutan pemberian pinjaman yang telah mula bertambah.

Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah mencapai banyak kemajuan dalam pengstrukturan semula sektor korporat. Pada akhir Ogos 2000, CDRC telah menerima 75 permohonan dengan hutang berjumlah RM45,939 juta di mana 38 skim pengstrukturan semula melibatkan hutang berjumlah RM25,693 juta telah diselesaikan. Daripada 38 kes, 29 kes melibatkan hutang berjumlah RM23,879 juta telah diselesaikan atau dalam proses pelaksanaan, sementara sembilan kes lagi berjumlah RM1,814 juta telah dipindahkan kepada Danaharta. CDRC sedang mengkaji 20 kes melibatkan hutang berjumlah RM16,343 juta. Di samping itu, CDRC terlibat dengan pengstrukturan semula industri pengangkutan yang melibatkan RM7,904 juta. Daripada jumlah ini, RM136 juta hutang telah distruktur semula, sementara RM4,543 juta hutang sebuah syarikat telekomunikasi kini di peringkat pelaksanaan.

Selaras dengan keperluan untuk membangun institusi perbankan tempatan yang kukuh dan berpandangan ke hadapan, penggabungan industri perbankan sedang dijalankan yang bertujuan untuk mengurangkan institusi kewangan tempatan yang banyak bilangannya pada masa ini kepada 10 kumpulan bank. Pada 14 Februari 2000, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan 10 kumpulan bank. Pada akhir Ogos 2000, semua institusi perbankan telah berjaya menyelesaikan rundingan penggabungan dan menandatangani perjanjian jual beli dan dengan itu melayakkan mereka untuk mendapat insentif penggabungan yang disediakan oleh Kerajaan. Program penggabungan ini dijangka selesai pada akhir 2000.

Satu Pelan Induk yang menyeluruh untuk sistem kewangan Malaysia sedang dirangka bertujuan membentuk asas sistem perbankan yang kukuh dan menggariskan hala tuju strategik bagi sektor perbankan dalam dekad yang akan datang. Ini termasuk merangka strategi dan pelan tindakan untuk meningkatkan daya tahan, daya saing dan dinamisme sistem perbankan bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi yang semakin meningkat.

Perbankan Islam

Operasi perbankan Islam turut berkembang sejajar dengan pemulihan ekonomi. Pada akhir Ogos 2000, selain daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad, 49 institusi kewangan lain (21 bank perdagangan, 16 syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun) menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam. Jumlah aset dalam sistem perbankan Islam (bank-bank Islam dan Skim Perbankan Islam) telah meningkat 17% dalam lapan bulan pertama 2000 kepada RM41,833 juta pada akhir Ogos 2000 (akhir Ogos 1999: RM30,737 juta). Jumlah deposit meningkat 25.4% kepada RM31,015 juta, manakala pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan Islam meningkat 24.1% kepada RM17,377 juta. Sebahagian besar deposit baru diperolehi daripada deposit pelaburan yang mencatatkan peningkatan 35.9% kepada RM22,395 juta. Deposit tabungan meningkat 21.6% kepada RM2,913 juta, manakala deposit tetap menurun 20.5% kepada RM4,355 juta dalam tempoh yang sama.

Dari segi pecahan mengikut sektor, sebahagian besar pembiayaan disalurkan kepada sektor harta kediaman yang merupakan 20.6% daripada jumlah pembiayaan, sementara 13.3% disalurkan kepada sektor pengangkutan dan 10.4% kepada sektor perkilangan. Nilai urus niaga pasaran wang antara bank secara Islam mencatatkan RM202,249 juta dalam lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: RM288,426 juta).

Beberapa langkah terus diperkenalkan untuk memperkukuhkan pembangunan perbankan Islam. Antara langkah-langkah tersebut adalah penubuhan Bank Islam yang kedua, Bank Muamalat Malaysia Berhad yang mula beroperasi pada 1 Oktober 1999 serta perlantikan kedua-dua bank Islam sebagai ejen bagi operasi Mudharabah pada 21 Januari 2000.

Institusi Pembiayaan Pembangunan

Institusi pembiayaan pembangunan (IPP) merupakan institusi yang ditubuhkan terutamanya bagi tujuan menggalakkan pembangunan di sektor pertanian dan perkilangan, infrastruktur serta eksport dan perdagangan antarabangsa. Jumlah sumber IPP meningkat RM4,520 juta atau 26.4% kepada RM21,672 juta pada akhir Jun 2000 (akhir

Jun 1999: RM17,152 juta). Peningkatan sumber ini dibiayai terutamanya oleh peminjaman dan dana modal, memandangkan IPP tidak dilesenkan untuk mengambil deposit daripada orang awam. Peminjaman IPP meningkat 39.3% kepada RM7,663 juta (akhir Jun 1999: RM5,051 juta). Ini khususnya disebabkan oleh peningkatan dalam peminjaman oleh Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Pertanian Malaysia dengan ketiga-tiganya menyumbang 76.4% daripada jumlah peminjaman. Sementara, dana modal IPP meningkat 35% kepada RM2,949 juta (akhir Jun 1999: RM2,186 juta).

Pinjaman yang diluluskan oleh IPP merosot 85.1% kepada RM772 juta (akhir Jun 1999: RM5,198 juta), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.3*. Sebahagian besar kemerosotan ini disebabkan pengurangan dalam pinjaman bagi projek-projek infrastruktur yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, memandangkan pinjaman bagi projek-projek tersebut telah meningkat dengan ketara pada tahun lepas. Bagi agihan menurut sektor, pinjaman kepada sektor pertanian meningkat 126.5% kepada RM299 juta (akhir Jun 1999: RM132 juta) untuk menyumbang bahagian yang terbesar (38.7%).

Jadual 8.3

Haluan Pemberian Pinjaman Oleh IPP
(RM juta)
(akhir Jun)

Sektor	(RM juta)		% bahagian	
	1999	2000 ^P	1999	2000
Perkilangan	325	240	6.3	31.1
Pertanian	132	299	2.5	38.7
Harta tanah dan pembinaan	1,229	33	23.6	4.3
Pengangkutan dan penyimpanan	3,445	140	66.3	18.1
Lain-lain	67	60	1.3	7.8
Jumlah	5,198	772	100.0	100.0

^P Data awal

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad, *Malaysian Industrial Development Finance Berhad*, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, *Export-Import Bank of Malaysia Berhad*, *Sabah Development Bank Berhad*, Perbadanan Pinjaman Sabah dan *Borneo Development Corporation*.

Pinjaman kepada sektor pembuatan menurun 26.2% kepada RM240 juta (akhir Jun 1999: RM325 juta). Walaupun pinjaman kepada sektor pembuatan merosot, tetapi sektor ini menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pinjaman yang disalurkan oleh IPP (31.1%).

Beberapa skim bantuan khas terus dilaksanakan oleh IPP dan institusi kewangan yang menyertai skim, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.4*. Tujuan tabung-tabung ini adalah untuk membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan PKS serta usahawan. Dua tabung, iaitu **Tabung Industri Bumiputera** dan **Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana** telah ditamatkan pada 3 April 2000, kerana dana dalam tabung ini hampir digunakan sepenuhnya. Namun demikian, permohonan yang dihantar sebelum tarikh tersebut akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Peminjam yang layak di bawah skim Tabung Industri Bumiputera juga boleh mendapatkan pembiayaan di bawah skim Tabung Usahawan Baru (TUB).

Dua tabung baru telah ditubuhkan iaitu **Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB)** yang dilancarkan pada 10 Februari 2000 dan **Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2)** pada 15 April 2000. TIKS2 ditadbir oleh Syarikat Jaminan Kredit (CGC) manakala TPUB pula diurus oleh ERF Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat BNM. TPUB ditubuhkan dengan peruntukan RM300 juta untuk membantu usahawan kecil dan sederhana Bumiputera serta syarikat milik penuh Bumiputera yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan bagi melaksanakan projek baru atau meneruskan projek berpotensi dalam sektor pembinaan, bekalan, perkilangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pinjaman di bawah TPUB hanya boleh digunakan sebagai modal kerja. Kadar faedah yang dikenakan ialah 5% setahun. Sehingga akhir Ogos 2000, 82 permohonan berjumlah RM40 juta telah diluluskan dengan pengeluaran pinjaman untuk 35 kes berjumlah RM15 juta. Berikutan penamatan Tabung Untuk Industri Kecil dan Sederhana pada 3 April 2000, Kerajaan telah melancarkan TIKS2 dengan peruntukan RM200 juta. Objektif tabung ini adalah untuk menyediakan pembiayaan kepada IKS di sektor perkilangan dan perkhidmatan bagi membantu IKS memasuki pasaran eksport atau menyediakan rantaian dengan syarikat yang berorientasikan eksport. Pada akhir Ogos 2000, 86 permohonan bernilai RM44 juta telah diluluskan, manakala pengeluaran pinjaman pula berjumlah RM11 juta.

Jadual 8.4

**Skim Bantuan Khas Dalam Sistem
Kewangan
(akhir Ogos 2000)**

Jenis Dana	Peruntukan (RM juta)	Jumlah diluluskan (RM juta)	Bilangan kes diluluskan	Jumlah dikeluarkan (RM juta)
1. Tabung Pemulihan Usahawan ^{*1}	500	297.9	—	297.9
2. Tabung Usahawan Baru *	1,250 ²	1,336.6	2,825	1,151.5
3. Tabung Khas Pelancungan ^{*3}	200 ⁵	214.7	199	199.3
4. Tabung Penyusunan Industri ^{*4}	500	95.0	25	95.0
5. Kemudahan Pembiayaan Perkapalan *	600 ⁶	549.1	34	520.7
6. Tabung Untuk Makanan	1,000 [#]	656.6	2,451	598.2
7. Tabung Industri Bumiputera ⁷	100	98.7	100	90.7
8. Tabung Untuk Industri Kecil dan Sederhana ⁷	1,850	4,241.9	5,846	3,226.4
9. Tabung Pemulihan Untuk Industri Kecil dan Sederhana*	500	267.0	257	210.3
10. Tabung Untuk Rumah Kos Rendah dan Sederhana*	1,000	796.6	106	423.2
11. Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun [^]		1,956.5	4,371	1,956.5
12. Tabung Untuk Industri Kecil dan Sederhana 2	200	43.6	86	11.0
13. Tabung Projek Usahawan Bumiputera	300	40.3	82	14.6

Termasuk RM300 juta yang diperuntukkan kepada Persatuan Peladang Kawasan

* Tabung pusingan

[^] Angka pada akhir bulan Julai 2000

¹ Tarikh tamat tempoh menerima permohonan ialah 31 Disember 1990. Mulai September 1995, jumlah kelulusan adalah tidak termasuk liabiliti luar jangka.

² Peruntukan permulaan adalah RM400 juta dengan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta pada 11 April 1994 dan RM200 juta pada 21 Disember 1994.

³ Diberhentikan sejak 31 Disember 1997. Jabatan Kawalan Bank masih mengawasi pembayaran dan pengeluaran tabung.

⁴ Diberhentikan pada 4 Ogos 1999.

⁵ Peruntukan permulaan adalah RM120 juta dengan peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta pada 16 November 1993.

⁶ Peruntukan permulaan adalah RM300 juta dengan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta pada 28 Oktober 1994.

⁷ Tarikh tamat tempoh menerima permohonan ialah 3 April 2000.

Sumber: Bank Negara Malaysia, ERF Sdn. Bhd. Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* dan Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad.

Antara perubahan utama di bawah skim bantuan khas adalah seperti berikut:

- **Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun** menerima peruntukan dana dari Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECF) dan Bank Eksport-Import Jepun (JEXIM). Walau bagaimanapun, OECF dan JEXIM telah bergabung pada 1 Oktober 1999 dan kini dikenali sebagai Bank Kerjasama Antarabangsa Jepun (JBIC).
- Berkuatkuasa 3 April 2000, pinjaman maksimum yang dibenarkan untuk setiap pelanggan di bawah TUB telah ditingkatkan daripada RM2 juta kepada RM3 juta. Garis panduan TUB telah juga dipinda untuk membolehkan peserta program pembangunan vendor memohon pembiayaan di bawah skim ini.

Pada akhir Ogos tahun 2000, 16,382 permohonan telah diluluskan di bawah pelbagai tabung berjumlah RM10,595 juta (akhir 1999: 14,247 permohonan bernilai RM9,250 juta). Pengeluaran pinjaman meningkat 27.6% kepada RM8,795 juta (akhir 1999: RM6,891 juta), terutamanya kepada IKS dan sektor perumahan. Peningkatan pinjaman adalah sejajar dengan pengembangan aktiviti ekonomi pada tempoh ini.

Institusi Kewangan Lain

Syarikat Diskaun

Prestasi keseluruhan syarikat diskaun telah merosot dalam tempoh lapan bulan pertama 2000 seperti yang dicerminkan oleh pengurangan 11.7% dalam jumlah deposit (termasuk repo) syarikat diskaun kepada RM8,944 juta (Januari-Ogos 1999: 0.4%). Daripada jumlah deposit, 4.1% telah disumbangkan oleh bank perdagangan, sementara bakinya oleh institusi kewangan yang lain.

Jumlah pelaburan syarikat diskaun mencatatkan peningkatan yang kecil sebanyak 7.8% dalam lapan bulan pertama 2000 kepada RM17,346 juta pada akhir Ogos 2000 (Januari-Ogos 1999: 4.1%). Pelaburan dalam bon Cagamas telah meningkat 146.3% kepada RM1,114 juta (Januari-Ogos 1999: 295%). Pelaburan dalam PDS merosot 21.3% kepada RM19,111 juta (Januari-Ogos 1999: 863.2%), sementara pelaburan dalam penerimaan

jurubank (BA) meningkat 14.2% kepada RM3,638 juta (Januari-Ogos 1999: -19.1%). Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan NID masing-masing berkurangan iaitu 56.9% dan 63.4% dalam tempoh ini (Januari-Ogos 1999: 144.5% dan -49.9%).

Berikutan pemeriksaan tahunan yang dibuat oleh BNM ke atas Sistem Peniaga Prinsipal, dua buah syarikat diskaun yang baru telah dilantik sebagai peniaga prinsipal. Sehingga akhir Ogos 2000, terdapat tujuh syarikat diskaun yang beroperasi.

Bank Simpanan Nasional

Jumlah sumber Bank Simpanan Nasional (BSN) meningkat 8.3% kepada RM9,629 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM8,893 juta). Peningkatan ini terutamanya berpunca daripada pertambahan **deposit** yang disimpan dengan BSN sebanyak 15.4% kepada RM9,030 juta (akhir Jun 1999: RM7,826 juta) berikutan peningkatan bilangan pemegang akaun kepada 8.9 juta (akhir Jun 1999: 8.3 juta), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.5*. Peningkatan deposit adalah terutamanya daripada deposit tetap, GIRO dan Skim Perbankan Islam, yang mengandungi Skim Al-Mudharabah and Skim Al-Wadiah.

Selaras dengan pertambahan jumlah sumber, pelaburan meningkat 13% kepada RM6,658 juta (akhir Jun 1999: RM5,893 juta). BSN terus melabur sebahagian besar sumbernya dalam deposit jangka pendek dan jangka panjang serta syarikat subsidiari dan bersekutu yang menyumbang RM3,305 juta atau hampir separuh daripada jumlah pelaburan. Aktiviti **peminjaman** BSN merosot 6.2% kepada RM2,041 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM2,177 juta) yang terutamanya disebabkan oleh penurunan pinjaman kepada sektor korporat dan pembiayaan sewa beli. Sebahagian besar pinjaman terus disalurkan kepada individu, berjumlah RM1,277 juta (62.6% daripada jumlah pinjaman), diikuti oleh pinjaman bagi pembiayaan sewa beli sebanyak RM622 juta (30.5% daripada jumlah pinjaman).

Jumlah cawangan BSN berkurang kepada 438 pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: 445) berikutan penggabungan beberapa cawangan. Kemudahan BSN terus disediakan dalam 641 pejabat pos.

Jadual 8.5

Bank Simpanan Nasional (akhir Jun)

	1999	2000 ^P
Deposit¹ (RM juta)	7,826.30	9,029.71
Simpanan	1,393.13	1,380.22
Tetap	3,189.69	4,048.70
Simpanan Dari Pendapatan	13.89	14.58
GIRO	2,560.23	2,805.78
Sijil Simpanan Premium	538.60	569.57
Skim Perbankan Islam	130.76	210.71
CHESS	-	0.15
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)	5,892.77	6,658.42
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,142.73	2,173.77
Stok and saham ²	1,351.50	1,179.49
Pelbagai ³	2,398.54	3,305.16
Pinjaman Kasar (RM juta)	2,177.02	2,041.32
Individu	1,165.77	1,277.49
Korporat	275.50	49.06
Kad Kredit	31.84	34.42
Sewa Beli	660.43	622.21
Staf	43.48	58.14
Bilangan Cawangan BSN ⁴	446	438
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	645	641
Bilangan penyimpan ('000)	8,308.44	8,968.40
Simpanan	2,580.41	2,586.63
Tetap	233.89	179.70
Simpanan Dari Pendapatan	14.36	12.50
GIRO	5,479.78	6,188.96
CHESS	-	0.61

¹ Termasuk faedah yang dikreditkan.

² Termasuk saham amanah dan bukan amanah, sekuriti hutang swasta dan waran.

³ Termasuk deposit jangka panjang dan pendek, pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu.

⁴ Termasuk cawangan mini dan kecil.

^P Data awal

Sumber: Bank Simpanan Nasional

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Jumlah sumber sembilan kumpulan wang simpanan dan pencen (PPF) yang terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Amanah Pencen serta lima PPF

Jadual 8.6

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen
(RM juta)
(akhir Jun)

	Jumlah Sumber		Sekuriti Kerajaan Malaysia		Caruman Bersih	
	1999	2000 ^P	1999	2000 ^P	1999	2000 ^P
KWSP	151,576	172,507	46,987	58,259	3,911	4,792
PERKESO	7,034	8,232	2,489	3,242	233	208
LTAT	4,683	4,836	5	0	(109)	(181)
KWAP	13,563	15,126	0	0	3,956	5,455
PPF Swasta	857	913	222	114	(1.7)	(11)
Jumlah	177,713	201,614	49,703	61,615	7,989	10,263

^P Data awal.

Angka dalam lingkungan menunjukkan pengeluaran bersih

^F Kumpulan wang simpanan dan pencen swasta

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan lima kumpulan wang simpanan dan pencen swasta (Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan MAS Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja SESCO, Skim Faedah Persaraan Petronas dan Kumpulan Wang Simpanan Jendarata-Bernam).

swasta terus meningkat. Peningkatan ini adalah sebanyak 13.4% kepada RM201,614 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM177,713 juta), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.6*. Caruman bersih terus meningkat kepada RM10,263 juta (akhir Jun 1999: RM7,989 juta), selaras dengan peningkatan dalam bilangan pencarum dan pendapatan yang bertambah baik berikutan pemulihan ekonomi.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyumbang RM172,507 juta atau 85.6% daripada jumlah sumber PPF pada akhir Jun 2000. Pertambahan sumber disebabkan peningkatan dalam caruman sebanyak 13.8% kepada

RM172,159 juta (akhir Jun 1999: RM151,233 juta) serta kenaikan pendapatan daripada pelaburan sebanyak 14.5% kepada RM6,185 juta (akhir Jun 1999: RM5,404 juta). Bilangan pencarum KWSP (termasuk pekerja asing) terus meningkat, mencerminkan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik. Jumlah ahli KWSP adalah sebanyak 9.7 juta pencarum (akhir Jun 1999: 9.4 juta). KWSP terus membuat pelaburan yang besar dalam SKM, iaitu RM58,259 juta atau satu pertiga daripada jumlah pelaburan. Pelaburan dalam sekuriti dan bon korporat meningkat dengan ketara sebanyak 18.2% kepada RM50,417 juta (akhir Jun 1999: RM42,643 juta), mencerminkan pasaran ekuiti yang baik pada separuh pertama 2000 serta peningkatan pasaran bon.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi menyediakan faedah keselamatan kepada pekerja. Jumlah sumber PERKESO meningkat 17% kepada RM8,232 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM7,034 juta). Sebahagian besar sumber PERKESO dilabur dalam SKM (RM3,242 juta atau 39.4% daripada jumlah pelaburan), diikuti oleh pelaburan dalam deposit bank (RM3,135 juta atau 38.1% daripada jumlah pelaburan). Pelaburan dalam sekuriti korporat meningkat dengan ketara sebanyak 77.7% kepada RM1,043 juta (akhir Jun 1999: RM587 juta).

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ditubuhkan untuk menyediakan faedah persaraan kepada anggota perkhidmatan tentera. Jumlah sumber LTAT meningkat sedikit, iaitu 3.3% kepada RM4,836 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM4,683 juta). Caruman bersih masih negatif disebabkan pengeluaran yang lebih tinggi sebanyak RM308 juta (akhir Jun 1999: RM157 juta). Dalam tempoh kajian, LTAT membuat lebih banyak pelaburan dalam dana amanah untuk menyumbang RM3,580 juta atau 75.9% daripada jumlah pelaburan.

Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 untuk mengambil alih tanggungjawab Kerajaan bagi memenuhi kos pencen dan bayaran gratuititi sektor awam. Jumlah sumber KWAP meningkat 11.5% kepada RM15,126 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM13,563 juta). Pertambahan ini adalah hasil daripada peningkatan dana sebanyak 32.9% yang dicarumkan oleh kerajaan persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun di samping peningkatan pembayaran balik sebanyak 41.3% dalam caruman majikan kepada KWSP dan kumpulan wang lain yang dibenarkan. Portfolio pelaburan KWAP kekal seperti tahun lepas dengan sebahagian besar pelaburan dalam deposit dan instrumen pasaran wang (48.8%), ekuiti dan dana amanah (28.9%) serta pinjaman dan bon korporat (16.6%). Peningkatan yang ketara dicatatkan bagi pelaburan dalam pinjaman dan bon korporat sebanyak 241.4% kepada RM1,451 juta (akhir Jun 1999: RM425 juta) mencerminkan kecergasan pasaran bon korporat.

Jadual 8.7

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 1999	Akhir Jun 2000 ^P
Perniagaan Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan Baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,437.1	557.5
Jumlah dinsuranskan	99,854.6	60,090.9
Jumlah premium	1,910.7	1,221.8
Perniagaan berkuatkuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	6,998.7	7,032.3
Jumlah dinsuranskan	363,929.0	386,394.1
Premium tahunan	6,842.7	7,073.4
Pendapatan premium	7,033.9	3,902.1
Bayaran faedah		
Jumlah	2,232.1	1,149.5
Kematangan	530.1	244.4
Kematian dan hilang upaya	700.1	385.6
Serahan	577.2	296.5
Perubatan	88.0	55.7
Bonus tunai	335.5	167.3
Anuiti	t.d.	t.d.
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan Premium:		
Premium Langsung Kasar	5,269.5	2,932.3
Premium Bersih	4,464.9	2,390.0
Insurans semula ditempatkan di luar		
Malaysia	650.9	318.0
Nisbah bendungan ¹ (%)	84.7	81.5
Bilangan syarikat insurans		
Langsung:		
Hayat	7	7
Am	38	37
Komposit	11	11
Insurans Semula:		
Hayat	1	1
Am	10	9
Komposit	—	1
Bilangan Operator Takaful	2	2

^P Data awal

¹ Premium bersih/premium kasar

t.d. — tiada data

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8.8

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am
(RM juta)

	Insurans Hayat (RM juta)		Insurans Am (RM juta)	
	Akhir 1999	Akhir Jun 2000 ^P	Akhir 1999	Akhir Jun 2000 ^P
Aset tetap	294.5	327.9	602.5	598.7
Pinjaman	5,886.2	5,816.3	438.3	422.5
Sekuriti Kerajaan	4,243.1	4,993.0	1,895.5	1,942.1
Pinjaman jaminan Kerajaan	120.6	145.3	36.3	115.1
Sekuriti korporat dan hutang	12,962.4	14,914.8	3,439.8	3,973.6
Pelaburan harta tanah	1,624.4	1,721.8	378.9	378.6
Wang tunai dan deposit	5,013.2	5,103.7	5,042.8	5,110.8
Aset lain	1,341.1	1,359.1	1,466.0	1,574.9
Jumlah	31,485.4	34,382.0	13,300.1	14,116.3

^P Data awal

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah sumber kelima-lima PPF swasta meningkat 6.5% kepada RM913 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM857 juta). Sebahagian besar sumber ini terus dilabur dalam sekuriti dan bon korporat (45.8%), diikuti oleh pelaburan dalam deposit dan instrumen pasaran wang (24.8%). Pelaburan dalam SKM, walau bagaimanapun, merosot kepada RM114 juta untuk menyumbang 12.5% daripada jumlah pelaburan (akhir Jun 1999: RM222 juta atau 25.9% daripada jumlah pelaburan). Caruman bersih kelima-lima PPF ini terus negatif disebabkan pengeluaran bersih yang lebih besar.

Syarikat Insurans

Selaras dengan pemulihan ekonomi keseluruhan, **industri insurans** yang mengandungi insurans hayat dan am terus berkembang pada enam bulan

pertama 2000. Pendapatan premium **insurans hayat** meningkat 23.8% kepada RM3,902 juta (Januari-Jun 1999: RM3,151 juta), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.7*. Perniagaan insurans yang berkaitan dengan pelaburan naik dengan ketara sebanyak hampir 19 kali ganda dalam bentuk premium perniagaan baru dalam tempoh ini. Jumlah aset dana insurans hayat meningkat 19.2% kepada RM34,382 juta pada akhir Jun 2000, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.8*. Sekuriti korporat kekal sebagai komponen terbesar, menyumbang RM14,915 juta atau 43.4% daripada jumlah aset (akhir Jun 1999: 35.7%).

Premium langsung kasar **insurans am** telah pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 7.3% kepada RM2,932 juta dalam enam bulan pertama 2000 (Januari-Jun 1999: RM2,732 juta). Semua kategori perniagaan am mencatat pertumbuhan positif dengan insurans motor sebanyak 13.1%

kepada RM1,298 juta, diikuti oleh insurans pelbagai sebanyak 4% kepada RM706 juta, marin, udara dan transit sebanyak 2.6% kepada RM233 juta dan kebakaran sebanyak 2.5% kepada RM696 juta (Januari-Jun 1999: masing-masing RM1,147 juta, RM679 juta, RM227 juta dan RM679 juta). Insurans motor terus menguasai sektor am dari segi sumbangan pasaran, menyumbang 44.3% daripada jumlah premium langsung kasar, diikuti oleh insurans pelbagai dengan 24.1%. Jumlah aset dana insurans am meningkat 4.5% kepada RM14,116 juta pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: RM13,510 juta). Wang tunai dan deposit kekal sebagai komponen terbesar, menyumbang RM5,111 juta atau 36.2% daripada jumlah dana insurans am, diikuti oleh sekuriti korporat dan hutang dengan RM3,974 juta atau 28.1%.

Pada akhir September 2000, terdapat sebanyak 63 syarikat insurans yang beroperasi terdiri dari tujuh syarikat insurans hayat, 10 syarikat insurans komposit, 36 syarikat insurans am, lapan syarikat insurans semula am, satu syarikat insurans semula hayat dan satu syarikat insurans semula komposit. Daripada jumlah ini, 53 syarikat ditubuhkan dalam negeri dan selebihnya merupakan syarikat asing. Pada masa yang sama terdapat juga dua syarikat takaful, 36 broker berlesen dan 41 penilai kerosakan berlesen.

Perniagaan Takaful

Industri takaful Malaysia mengandungi dua syarikat takaful, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) and Takaful Nasional Sdn. Berhad (TNSB). Berdasarkan data awal bagi tahun kewangan 2000, industri takaful mengekalkan pertumbuhan dengan petunjuk utama perniagaan mencatatkan pertumbuhan dua angka. Jumlah aset dana takaful dan dana pemegang saham meningkat 34.1% kepada RM1,319 juta pada akhir tahun kewangan 2000 (akhir 1999: RM984 juta) yang terutamanya disumbang oleh pertumbuhan kukuh perniagaan takaful keluarga, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.9*. Aset dana takaful keluarga menyumbang 66.3% daripada jumlah aset, sementara dana takaful am 21.1% dan baki 12.6% merupakan aset dana pemegang saham. Pelaburan dalam Sijil Pelaburan Kerajaan adalah sebanyak RM142 juta atau 10.8% daripada jumlah asset, sementara akaun pelaburan dengan Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah RM106 juta atau 8.1% daripada jumlah aset.

Jadual 8.9

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Tahun Kewangan 1999	Tahun Kewangan 2000 ^p
Aset¹ (RM juta)	984.1	1,319.4
Sijil Pelaburan Malaysian	89.8	142.3
Pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	41.3	106.2
Sekuriti korporat	124.0	177.4
Tunai dan deposit	9.5	5.0
Pembiayaan	99.2	101.0
Aset Tetap	124.4	122.5
Lain-lain ²	495.9	665.0
Perniagaan Takaful Keluarga		
Perniagaan Baru:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	154.6	261.7
Jumlah penyertaan (RM juta)	5,996.3	15,574.2
Bilangan sijil	100,551	154,470
Perniagaan Berkuatkuasa		
Jumlah sumbangan (RM juta)	239.6	319.8
Jumlah penyertaan (RM juta)	19,031.4	29,262.0
Bilangan sijil	279,491	436,573
Perniagaan Takaful Am	142.8	177.2
Caruman Kasar (RM juta)		
Tuntutan pembayaran bersih (RM juta)	24.2	30.9

^p Data awal

¹ Aset dana takaful keluarga, dana takaful am dan dana pemegang saham.

² Termasuk saham, wang tunai dan aset lain

Sumber: Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Berhad

Pasaran Modal

Jumlah dana bersih yang diperolehi dalam 8 bulan pertama meningkat dengan ketara (831.7%) kepada RM23,245 juta (Januari-Ogos 1999: RM2,459 juta) dengan sektor swasta menyumbang RM15,238 juta (65.6% daripada jumlah dana bersih) dan sektor awam bakinya, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.10*. Dana bersih yang lebih tinggi yang diperolehi oleh sektor awam adalah disebabkan oleh terbitan SKM yang meningkat 61.5% kepada RM9,691 juta (Januari-Ogos 1999: RM6,000 juta) dan menyumbang 93.4% daripada jumlah dana kasar yang diperolehi dalam tempoh ini. Namun demikian, dana yang diperolehi melalui terbitan bon Khazanah berkurang kepada RM680 juta (Januari-Ogos 1999: RM1,393 juta). Dalam tempoh yang sama, penebusan RM2,364

Jadual 8.10

Dana yang Diperolehi dari Pasaran Modal (RM juta)

	Januari-Ogos	
	1999 ^P	2000 ^P
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Hutang		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6,000.0	9,690.7
Bon Khazanah	1,392.6	680.3
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000.0	0.0
Bon Simpanan Malaysia	0.0	0.0
Terbitan baru sekuriti Kerajaan	9,392.6	10,371.0
Tolak: Penebusan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	4,150.0	2,350.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000.0	0.0
Bon Simpanan Malaysia	1.7	14.2
Dana bersih diperolehi	3,240.9	8,006.8
Oleh Sektor Swasta		
Saham ¹		
Terbitan awam	95.5	742.3
Terbitan hak	1,070.8	2,791.3
Penempatan persendirian	124.2	691.4
Terbitan Khas	200.5	68.5
Waran	13.5	59.6
Terbitan saham baru	1,504.5	4,353.1
Sekuriti Hutang ² (kasar)		
Bon langsung	660.0	4,702.0
Bon boleh tukar	355.8	1,690.1
Bon berasaskan Prinsip Islam	900.0	4,715.0
Bon dengan waran	500.0	0.0
Bon Cagamas	4,105.0	6,591.0
Terbitan baru sekuriti hutang	6,520.8	17,698.1
Tolak: Penebusan		
Sekuriti hutang swasta ³	3,950.9	4,262.6
Bon Cagamas	4,820.0	2,550.0
Terbitan bersih sekuriti hutang	-2,250.1	10,885.5
Dana bersih yang diperolehi	-745.6	15,238.6
Jumlah bersih dana yang diperolehi	2,495.2	23,245.4

^P Data awal

¹ Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langgan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus.

² Tidak termasuk bon yang diterbitkan oleh institusi perbankan.

³ Termasuk semua bon biasa, bon dengan waran, bon boleh tukar dan bon berasaskan prinsip Islam.

Sumber: Bank Negara Malaysia

juta telah dicatatkan merangkumi RM2,350 juta daripada SKM dan RM14 juta daripada Bon Simpanan Malaysia.

Jumlah dana bersih yang lebih tinggi sebanyak RM15,239 juta yang diperolehi oleh sektor swasta dikuasai oleh dana yang dikumpul melalui PDS sebanyak RM17,698 juta untuk menyumbang 80.3% daripada jumlah dana kasar yang diperolehi oleh sektor swasta. Ini mencerminkan lebih banyak PDS digunakan sebagai sumber alternatif untuk pembiayaan. Bon Cagamas terus menguasai pasaran PDS, menyumbang RM6,591 juta atau 37.2% daripada jumlah PDS. Penebusan bersih dalam tempoh ini berjumlah RM6,813 juta yang terdiri daripada penebusan PDS dan bon Cagamas masing-masing bernilai RM4,263 juta dan RM2,550 juta. Dana yang diperolehi melalui terbitan ekuiti juga meningkat dengan ketara sebanyak 189.4% kepada RM4,353 juta (Januari -Ogos 1999: RM 1,504 juta), mencerminkan peralihan tumpuan kepada pasaran ekuiti untuk pembiayaan aktiviti-aktiviti memandangkan keadaan ekonomi yang semakin pulih.

Cagamas

Cagamas Berhad, perbadanan gadai janji nasional telah mengeluarkan sejumlah 39 terbitan bernilai RM18,448 juta sepanjang lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: RM18,555 juta daripada 28 terbitan). Dana yang diperolehi dalam tempoh ini meliputi RM11,857 juta nota daripada 18 terbitan dan RM6,591 juta bon daripada 21 terbitan. Pinjaman perumahan yang dibeli oleh Cagamas meningkat dengan ketara sebanyak 59% kepada RM5,476 juta dalam tempoh ini (Januari-Ogos 1999: RM3,445 juta) disebabkan oleh peningkatan pembelian harta kediaman. Kadar faedah semasa yang rendah telah memanfaatkan pembeli apabila institusi kewangan bersaing antara satu sama lain untuk menawarkan pakej pinjaman perumahan yang menarik. Pinjaman industri hartanah serta pembiayaan jual beli dan pemajakan juga bertambah giat, sejajar dengan pemulihan ekonomi yang meningkat kepada RM224 juta dan RM2,650 juta (Januari-Ogos 1999: RM171 juta dan RM1,676 juta).

Agensi Penarafan

Bilangan penarafan yang telah diuruskan oleh **Rating Agency Malaysia (RAM)** bertambah 71.4%

kepada 48 terbitan bernilai RM18,358 juta dalam tempoh 9 bulan pertama 2000 (Januari-September 1999: 28 terbitan PDS bernilai RM28,212 juta). Rejim kadar faedah rendah, momentum pemulihan ekonomi yang mapan dan penstrukturan semula hutang korporat adalah faktor-faktor yang menyumbang kepada kecergasan pasaran utama. Kos pembiayaan yang agak rendah juga menarik lebih ramai penerbit untuk memasuki pasaran bon. Sebagai mencerminkan profil risiko kredit yang bertambah baik, purata *spread* untuk PDS bertempoh matang 5 tahun dan bertaraf AA ke atas berbanding SKM yang sama tempoh matang telah berkurang, iaitu daripada 228-299 mata asas dalam tahun 1999 kepada 160-215 mata asas dalam tahun 2000. Begitu juga dengan purata *spread* PDS bertempoh matang 5 tahun bertaraf A ke atas berkurang daripada 372 mata asas kepada 314 mata asas dalam tempoh yang sama. Sebahagian besar daripada terbitan PDS yang dicadangkan termasuk dalam kategori taraf A ke atas. Tempoh pegangan terbitan PDS adalah antara dua tahun hingga 18 tahun. Daripada jumlah penarafan PDS yang telah selesai, 35 merupakan terbitan jangka panjang dan 13 terbitan jangka pendek hingga sederhana. Sebahagian besar bon yang ditaraf adalah dari sektor infrastruktur dan kemudahan awam dengan 20 PDS bernilai RM9,677 juta.

Malaysian Rating Corporation (MARC) telah menaraf 20 hutang korporat bernilai RM12,069 juta dalam sembilan bulan pertama 2000 (Januari-September 1999: 15 penarafan bernilai RM6,187 juta). Daripada jumlah ini, 11 merupakan terbitan PDS berasaskan Islam yang bernilai RM8,816 juta, dengan dua daripadanya terbitan penting dari segi taraf tertinggi yang diperolehi dan saiz terbitan hutang berasaskan Islam masing-masing berjumlah RM1,500 juta dan RM1,100 juta. PDS yang telah ditaraf adalah dari pelbagai sektor ekonomi termasuk perkapalan, pembinaan, hartanah, infrastruktur dan sektor utiliti air. Dari segi profil kematangan, terdapat 16 terbitan jangka panjang dan dua terbitan jangka sederhana, manakala tempoh pegangan untuk dua lagi mempunyai kombinasi jangka pendek dan panjang. Kecenderungan untuk terbitan jangka sederhana dan panjang disebabkan penerbit mengambil peluang kos pembiayaan yang menarik sekarang, terutamanya untuk pembiayaan projek jangka panjang.

Bursa Saham Kuala Lumpur

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memulakan tahun 2000 dengan prestasi yang menggalakkan. Tanda aras Indeks Komposit BSKL (KLCI) mencecah tahap 950 mata pada pertengahan Januari. Sentimen positif berterusan pada bulan Februari didorong oleh data ekonomi dan pendapatan korporat yang bertambah baik serta disokong oleh mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan. KLCI mencecah tahap 1,000 mata pada 17 Februari untuk mencapai paras tertinggi kepada 1,013.27 mata pada 18 Februari.


Prestasi BSKL yang menggalakkan pada awal tahun, walau bagaimanapun tidak dapat diteruskan pada suku kedua dan ketiga. Indeks komposit BSKL menurun selaras dengan arah aliran bursa saham serantau. Antara faktor yang menyebabkan sentimen pasaran global lemah ialah kebimbangan mengenai kenaikan kadar faedah AS, pengumuman pendapatan yang kurang daripada dijangkakan bagi sesetengah saham utama yang berkaitan dengan indeks serta kemerosotan bursa saham AS dan bursa saham serantau. Walau bagaimanapun, KLCI mula meningkat pada bulan Oktober untuk ditutup pada 766.18 mata pada 16 Oktober seperti yang ditunjukkan di *Jadual 8.11*.

Meskipun menurun, pencapaian KLCI masih lebih baik berbanding kebanyakan pasaran saham serantau. Bagi tempoh Januari ke 16 Oktober 2000, KLCI hanya menurun 8%, berbanding Indeks Bursa Saham Thailand (-48.2%), Indeks Komposit Korea (-48%), Indeks Komposit Jakarta (-41.2%), Indeks Komposit Filipina (-40%), Indeks Berwajaran Taipei (-36%), Indeks Straits Times Singapura (-26%) dan Indeks Nikkei (-18.4%).


Sepanjang tempoh ini, urus niaga di BSKL merosot 17.3% kepada 62,490 juta unit (Januari-pertengahan Oktober 1999: 75,570 juta unit), sementara purata urus niaga harian adalah 320 juta unit (Januari-pertengahan Oktober 1999: 386 juta unit). Walau bagaimanapun, nilai pasaran meningkat 6.6% kepada RM519,465 pada pertengahan Oktober 2000 (pertengahan Oktober 1999: RM487,210 juta).

Dari segi prestasi mengikut sektor, sektor perniagaan dan perkhidmatan menyumbang 23.4%

Carta 8.2
Bursa Saham



Bursa Saham Kuala Lumpur
Urus Niaga Bulanan^{1/}



Jadual 8.11

Bursa Saham Kuala Lumpur:
Petunjuk Terpilih

	Januari-pertengahan Oktober	
	1999	2000
Indeks harga ¹		
Komposit	721.18	766.18
Emas	186.12	185.52
Papan kedua	158.92	177.92
Jumlah urus niaga ²		
Jumlah (juta unit)	75,570	62,490
Nilai (RM juta)	159,860	206,050
Purata urus niaga harian ²		
Jumlah (juta unit)	385.57	320.46
Nilai (RM juta)	815.62	1,056.69
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	487,210	519,465
Nilai pasaran ¹ /KDNK (%)	162.2	159.8
Jumlah syarikat yang disenaraikan ¹	746	789
Papan utama	462	490
Papan kedua	284	299
Mudah tunai pasaran ¹		
Nilai urus niaga/nilai pasaran (%)	32.8	39.7
Nilai urus niaga/bilangan sekuriti yang disenaraikan (%)	46.0	33.0
Penumpuan pasaran ¹		
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/nilai pasaran (%)	33.1	35.6
Purata modal berbayar syarikat broker saham ¹ (RM juta)	102.19	128.45

¹ Pada akhir tempoh.

² Urus niaga pasaran sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

daripada jumlah dagangan, diikuti oleh sektor pinjaman dan hak langganan boleh ubah (23.1%) dan barangan perusahaan (15.9%). Pada sembilan bulan pertama 2000, 31 syarikat dengan jumlah modal RM327 juta telah disenaraikan di BSKL (Januari-September 1999: sembilan syarikat dengan jumlah modal RM349 juta), menjadikan jumlah 788 syarikat pada akhir September 2000 (akhir September 1999: 745 syarikat).

MESDAQ

Pergerakan Indeks Komposit Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia **MESDAQ** (MCI) secara amnya selaras dengan pergerakan KLCI dan memulakan tahun 2000 dengan sentimen pasaran yang bertambah baik untuk ditutup pada 87.50 mata pada akhir Januari 2000 (akhir 1999: 85.94 mata). Sejak Jun, arah aliran Indeks Komposit MESDAQ (MCI) mula menurun dan ditutup pada 90.23 mata pada akhir September. Urus niaga di MESDAQ berjumlah 1.3 juta unit dengan nilai RM4 juta pada sembilan bulan pertama 2000. MESDAQ terus mengambil beberapa langkah bagi mempromosi dan memasarkan Bursanya, termasuk memperkenalkan satu sistem dagangan baru berasaskan *internet* yang dikenali sebagai MESDAQ Order Routing and Executive System (MORE) bagi menggantikan sistem dagangan MESDAQ Quotation System (MQS). MESDAQ juga sedang berusaha untuk menyertai rangkaian dagangan BSKL. MESDAQ juga bekerja rapat dengan pelbagai organisasi, termasuk Persatuan Modal Teroka Malaysia (MVCA) bagi mempromosikan MESDAQ sebagai bursa pilihan bagi syarikat-syarikat teknologi dan pertumbuhan di Malaysia.


Industri Unit Amanah

Industri unit amanah terus berkembang dalam tahun 2000 selaras dengan ekonomi dan pendapatan yang bertambah baik. Dua belas dana baru dilancarkan pada lapan bulan pertama 2000 (1999: 12 dana), termasuk Dana Amanah Saham Malaysia berjumlah RM3,000 juta yang dilancarkan oleh Permodalan Nasional Berhad, menjadikan jumlah unit amanah kepada 113, seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 8.12*. Unit dalam edaran meningkat 16.3% kepada 61,208 juta unit pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999: 52,632 juta unit). Peningkatan dalam bilangan dana yang dilancarkan serta unit dalam edaran telah menyumbang kepada kenaikan 13.9% dalam nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah kepada RM49,001 juta (akhir 1999: RM43,013 juta). Nisbah NAV industri unit amanah kepada nilai pasaran BSKL adalah juga lebih tinggi pada 8.9% (akhir 1999: 7.8%).

Langkah-Langkah Utama Pasaran Modal

Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BSKL telah memperkenalkan beberapa langkah pengawal-

Carta 8.3
Pergerakan Indeks Komposit Mesdaq (MCI)
Berbanding Indeks Komposit BSKL (KLCI)



seliaan dan perundangan pada sembilan bulan pertama 2000 bertujuan memperluas dan mendalamkan lagi pasaran modal di samping menggalakkan kecekapan, ketelusan, daya tahan dan daya saing. Langkah-langkah utama ini adalah seperti berikut:

Pelan Induk Pasaran Modal

Pelan Induk Pasaran Modal yang menyeluruh sedang disediakan untuk merangka kedudukan strategik dan hala tuju masa depan pasaran modal. Antara lain, pelan induk ini bertujuan menangani kelemahan yang terserlah semasa krisis kewangan, menyediakan pelan tindakan strategik bagi memudahkan pembangunan perniagaan masa depan serta membantu mewujudkan pasaran modal yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Penggabungan Industri Broker Saham

Penggabungan syarikat broker saham bertujuan memperkukuhkan pasaran modal tempatan supaya lebih cekap, kos efektif dan berdaya saing bagi

Jadual 8.12

Industri Unit Amanah: Petunjuk Terpilih

	Dana Yang Disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah	Dana Yang Disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah
	1999 ¹			2000 (akhir Ogos)		
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	10	23	33	10	24	34
Jumlah dana unit amanah ²	29	72	101	30	83	113
Unit dalam edaran (juta)	37,104	15,528	52,632	39,901	21,307	61,208
Bilangan akaun (juta)	7.947	0.963	8.910	8.373	1.094	9.467
Nilai aset bersih (NAV) (RM juta)	31,955	11,058	43,013	35,263	13,738	49,001
NAV/Nilai pasaran BSKL (%)	5.78	2.00	7.78	6.37	2.48	8.85

¹ Akhir tempoh² Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber : Suruhanjaya Sekuriti

menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Pada bulan April 2000, SC mengumumkan rangka kerja dasar bagi penggabungan 62 syarikat broker saham (SBC) sebagai susulan kepada inisiatif awal bagi menggalakkan penggabungan. SBC dibenarkan mencari rakan penggabungan sendiri serta menentukan penilaian sendiri. Objektif penggabungan adalah untuk membentuk satu kumpulan teras *Broker Universal* yang akan dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan penuh pasaran modal. Selain dari insentif cukai Belanjawan 2000 bagi menggalakkan penggabungan industri broker saham, *Broker Universal* akan dibenarkan untuk membuka cawangan tertakluk kepada kelulusan SC berkuatkuasa dari 1 Julai 2002. Tempoh insentif cukai telah dilanjutkan bagi satu tahun lagi sehingga akhir Disember 2001. SBC yang bergabung sebelum tarikh akhir 31 Disember 2000 boleh menggunakan sehingga 50% daripada kerugian cukai SBC yang diperolehi sebagai kredit cukai yang perlu digunakan dalam tempoh dua tahun di samping pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah. Walau bagaimanapun, SBC yang melaksanakan perjanjian penggabungan selepas tarikh akhir 2000, akan hanya layak bagi tempoh penggunaan kredit cukai yang lebih singkat, iaitu satu tahun.

Pasaran Bon Korporat

Berkuatkuasa 1 Julai 2000, SC telah menjadi badan pengawalselia tunggal bagi penyeliaan dan pengawalseliaan pasaran bon korporat. SC telah memperkenalkan garis panduan dan peraturan baru berhubung dengan PDS. Antara lain, garis panduan dan peraturan ini merangkumi kelulusan yang lebih cepat, liberalisasi dari segi pengecualian keperluan mandatori, lebih ketelusan berhubung dengan penerbitan PDS, kos yang lebih rendah, pemansuhan sekatan bagi urus niaga dalam *repo*, kelonggaran bagi penerbitan PDS di bawah Skim Pendaftaran Simpanan serta memperkenalkan sekatan ke atas penggunaan hasil PDS bagi pembangunan harta tanah tertentu.

Pasaran Ekuiti

Berkuatkuasa mulai 1 Julai 2000, SC telah menjadi badan pengawalselia untuk melulus dan mendaftar prospektus bagi penerbitan semua ekuiti dan yang berkaitan ekuiti. SC juga membenarkan syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL yang melaksanakan penstrukturan semula untuk menerbitkan stok pinjaman boleh tebus pada nilai nominal kurang daripada RM1. Ini bertujuan memudahkan syarikat-syarikat yang menghadapi

masalah untuk mendapatkan modal. Selain itu, bagi memastikan pasaran modal kekal berdaya saing, kadar komisen telah dikurangkan. Pada peringkat pertama, yang berkuatkuasa 1 September 2000, kadar komisen bagi semua dagangan melebihi RM100,000 boleh dirunding sepenuhnya, sementara dagangan RM100,000 dan ke bawah akan tertakluk kepada satu kadar tetap 0.75%. Pada peringkat kedua, yang akan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2001, kadar komisen akan boleh dirunding sepenuhnya bagi semua dagangan, tertakluk kepada satu kadar maksimum 0.70%, sementara kos urus niaga yang lain akan dikurangkan, termasuk fi penjelasan *Securities Clearing Automated Network Services* (SCANS), fi *System Computerised Order Routing and Execution* (SCORE) serta levi SC. Pada 19 September 2000, garis panduan mengenai pengiklanan juga dikeluarkan di mana penerbit yang menawarkan sekuriti bagi jualan tidak perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada SC bagi menjalankan kerja penyediaan tertentu berhubung dengan tawaran sekuriti. BSKL sedang memuktamadkan kajian komprehensif berhubung dengan fi bagi peniaga dan *remisier*. Pada 15 Mei 2000, BSKL telah melancarkan sektor teknologi bersama indeks teknologi bagi membantu pelabur mengikuti pelaburan stok teknologi. Satu tempoh penyelesaian yang lebih singkat daripada T+5 kepada T+3 akan dilaksanakan pada bulan Disember 2000. Ini akan memanfaatkan para pelabur serta selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Industri Pengurusan Dana

SC telah meminda Garis Panduan mengenai Penubuhan Syarikat-Syarikat Pengurusan Dana Asing untuk merangkumi dua perubahan dasar utama, iaitu mengambil kira perkhidmatan penasihat pelaburan dan pengurangan dalam jumlah dana yang diperolehi dari Malaysia kepada AS\$50 juta daripada AS\$100 juta sebelum sesuatu syarikat pengurusan dana asing usaha sama boleh memohon untuk menguruskan unit dana amanah tempatan.

Rangka Kerja bagi Pelaksanaan Elektronik-Dagang

SC telah memulakan kerja bagi membangunkan infrastruktur yang diperlukan bagi memudahkan pelaksanaan elektronik-dagang (e-dagang) yang

berkesan dan teratur di pasaran modal. Satu Kumpulan Kerja Elektronik-Dagang di Pasaran Modal telah ditubuhkan pada 8 Jun 2000 yang dianggotai oleh wakil-wakil dari institusi pasaran dan persatuan industri untuk mengkaji perakuan SC mengenai e-dagang serta membangunkan infrastruktur fizikal dan pengawalseliaan yang perlu bagi menggalakkan penggunaan teknologi di pasaran modal.

Pengawalseliaan Berasaskan Penzahiran

Pada sembilan bulan pertama 2000, SC and BSKL telah mengeluarkan beberapa garis panduan dan keperluan berhubung dengan pengawalseliaan berasaskan penzahiran (DBR) bertujuan memastikan para pelabur mempunyai maklumat yang cepat, mencukupi dan tepat untuk membuat keputusan mengenai pelaburan. BSKL telah mengeluarkan Nota Amalan Bil. 1/2000 berkuatkuasa mulai 1 April 2000 bertujuan mengukuhkan keperluan penzahiran bagi perniagaan berkaitan internet atau aktiviti e-dagang syarikat awam yang disenaraikan (PLC). BSKL telah juga menubuhkan satu Pasukan Petugas mengenai Kawalan Dalaman pada bulan Mei 2000 yang bertanggungjawab bagi penggubalan dan pengeluaran garis panduan untuk membantu PLC dalam melaporkan kedudukan kawalan dalaman bagi laporan tahunan. Ini adalah selaras dengan perakuan Jawatankuasa Kewangan dalam Laporan Urus Tadbir Korporat supaya PLC melaporkan kedudukan kawalan dalaman mereka.

Garis panduan baru juga dikeluarkan oleh SC menggariskan keperluan kandungan yang minimum bagi prospektus unit amanah, debentur dan surat ikatan amanah. Berkuatkuasa 10 Mei 2000, SC memberikan kelonggaran kepada keperluan bagi penyenaraian berantai dan nilai par saham biasa untuk penyenaraian bertujuan memudahkan lagi peralihan kepada rangka kerja pengawalseliaan berasaskan penzahiran.

Urus Tadbir Korporat dan Perlindungan Pemegang Saham

SC telah memperkenalkan satu Kod Tatalaku bagi Institusi Pasaran pada 25 Mei 2000. Kod Tatalaku tersebut menggariskan prinsip tatalaku dan amalan urus tadbir terbaik bagi institusi pasaran serta pembuat keputusan dan kakitangannya.

Pasaran Hadapan

Prestasi **Niaga Hadapan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (Niaga Hadapan KLSE CI)** di Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) merosot 22.9% kepada 286,294 kontrak pada sembilan bulan pertama 2000 (Januari-September 1999: 371,147 kontrak). Penyertaan asing yang berkurangan sejak September 1998 telah menyumbang kepada pengurangan urus niaga dalam kontrak Niaga Hadapan KLSE CI. Nisbah mudah tunai derivatif yang mengukur nilai urus niaga kontrak hadapan kepada urus niaga stok komponen, walau bagaimanapun, meningkat kepada 50.8% pada akhir September 2000 (akhir September 1999: 38.5%). Dari segi penyertaan pasaran, pelabur runcit tempatan adalah pelabur utama, menyumbang 50% daripada jumlah dagangan, diikuti oleh ahli tempatan dengan 27%, institusi asing dengan 17% dan pelabur asing lain dengan 6%.

KLOFFE bercadang memperkenalkan kontrak Opsyen Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (Opsyen KLSE CI) pada hujung tahun. Ini akan menjadikan KLOFFE bursa pertama di ASEAN untuk menawarkan urus niaga opsyen indeks dalam negeri. Bagi meningkatkan lagi kecekapan dan daya saing, BSKL yang merupakan syarikat induk KLOFFE, telah menandatangani satu perjanjian persefahaman (MoU) dengan Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMDEX) pada Mac 2000 berhubung dengan kemungkinan penggabungan antara kedua-dua Bursa. KLOFFE juga sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan produk baru, khususnya indeks niaga hadapan yang berasaskan prinsip Islam bertujuan membangunkan lagi pasaran niaga hadapan.

Kontrak niaga hadapan kadar tawaran antara bank 3 bulan Kuala Lumpur (KLIBOR) didagangkan dengan aktif di COMDEX, meningkat 78% kepada 35,433 kontrak dalam sembilan bulan pertama 2000 (Januari-September 1999: 19,907 kontrak). Aktiviti urus niaga yang lebih tinggi ini sebahagiannya disebabkan oleh pelancaran semula skim penggerak pasaran sejak Ogos 1999. Di bawah skim ini, empat bank tempatan dibenarkan membuat sebut harga bagi belian dan jualan kontrak niaga hadapan KLIBOR supaya

memudahkan aktiviti belian dan jualan oleh pelabur pasaran.

Kadar faedah jangka pendek yang stabil sejak Januari 2000 telah menyumbang kepada kemerosotan permintaan bagi lindung nilai terhadap perubahan dalam kadar faedah, terutamanya pada bulan April yang mencatat purata urus niaga harian yang merosot kepada 93 kontrak berbanding urus niaga yang tertinggi sebanyak 226 kontrak pada bulan Januari. Minat dalam kontrak niaga hadapan KLIBOR mula meningkat pada bulan Julai berikutan keputusan BNM untuk menaikkan kadar faedah antara bank sebanyak 25 mata asas. Aktiviti yang meningkat di pasaran bon tempatan serta pasaran *swap* kadar faedah telah mendorong peningkatan urus niaga kontrak hadapan KLIBOR. Urus niaga meningkat 140.8% kepada 7,687 kontrak pada bulan Ogos (Jun 2000: 3,192 kontrak). Dari segi penyertaan pasaran, pelabur utama adalah institusi perbankan tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia, mencakup 94.3% daripada jumlah dagangan dalam tempoh kajian.

Dagangan **kontrak hadapan minyak sawit mentah (CPO)** menurun 25.9% kepada 226,910 kontrak bersamaan dengan 5.67 juta tan pada sembilan bulan pertama 2000 (Januari-September 1999: 306,121 kontrak bersamaan dengan 7.65 juta tan). Penurunan dagangan hadapan disebabkan oleh kekurangan penyertaan daripada pelabur kerana harga hadapan CPO telah jatuh kepada tahap di mana perbezaan antara harga pasaran dan harga hadapan adalah sedikit. Di samping itu, stok yang berlebihan juga meletak tekanan kepada harga. Harga minyak sawit jatuh daripada purata RM1,460 untuk satu juta tan pada tahun 1999 kepada harga semasa sebanyak RM924 pada akhir September 2000.

Penyertaan asing meningkat sedikit untuk menyumbang 14.8% daripada jumlah dagangan pada sembilan bulan pertama 2000 (Januari-September 1999: 12.8%). COMDEX terus menjalankan kempen promosi dan pendidikan bagi menarik minat kepada pasaran hadapan CPO, termasuk kemungkinan melancarkan semula kontrak hadapan minyak isi rong kelapa sawit mentah (CPKO) yang telah dilancarkan pada tahun 1992 tetapi dihentikan pada tahun 1994 disebabkan kurang penyertaan. Kemungkinan melancarkan kontrak hadapan bon berasaskan SKM juga sedang dipertimbangkan.